

30 SEP 2002

Mahathir-Jenazah (Bergambar)

DR MAHATHIR ZIARAH JENAZAH ABANGNYA DI SUNGAI PETANI

SUNGAI PETANI, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menziarahi jenazah abangnya, Mashahor, yang meninggal dunia di rumahnya di sini, pagi ini.

Dr Mahathir, yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anak-anaknya Marina, Mokhzani, Mirzan dan Mukhriz, tiba di kediaman Mashahor pada 2.20 petang.

Perdana Menteri dan keluarga turut membaca Al-Fatihah untuk disedekahkan kepada allahyarham Mashahor dan meluangkan masa selama hampir dua jam di situ.

Mashahor, 79, meninggal dunia di rumahnya di no 17-E, Jalan Kapal Terbang di sini pagi tadi dan hanya disedari apabila anggota keluarga mengejutkannya untuk sarapan pada kira-kira 9.45 pagi.

Beliau meninggalkan seorang balu Fatimah Sham Ahmad, 71, dan tujuh anak yang terdiri daripada empat lelaki dan tiga perempuan berusia antara 40 dan 50 tahun.

Jawatan terakhir allahyarham adalah sebagai Penolong Pengarah Jabatan Buruh Negeri Kedah.

Jenazah allahyarham dibawa ke Masjid Muzaffar di sini pada 4.30 petang untuk disembahyangkan sebelum disemadikan di tanah perkuburan Masjid Penghulu Him, di sini.

Turut menziarahi jenazah allahyarham ialah Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan anggota-anggota Exco kerajaan negeri.

Dr Mahathir, yang bongsu, mempunyai dua orang kakak, Rafeah, 89, dan Habsah, 87, manakala seorang lagi abangnya Mahadi, meninggal dunia dua tahun lepas.

-- BERNAMA

MZM MAN NAK